

Prestasi

Pemulihan ekonomi yang mantap dalam tahun 1999 dan 2000 telah dicapai dalam suasana harga secara relatif yang stabil. Kestabilan kadar tukaran dan inflasi yang rendah secara berterusan di negara-negara perindustrian utama tidak membawa kesan yang ketara terhadap inflasi import dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2000. Dari segi permintaan, tekanan inflasi kekal rendah berikutan terdapatnya kapasiti berlebihan yang terdapat di dalam sektor-sektor tertentu ekonomi dalam negeri. Selaras dengan penstrukturan semula sektor perbankan dan kewangan, tekanan inflasi upah tidak begitu ketara walaupun terdapat tanda-tanda tekanan upah di beberapa sektor, terutamanya perkilangan dan perladangan yang menggambarkan terdapatnya pengangguran geseran. Berikutan dari pemulihan ekonomi, prospek pasaran buruh dijangka menjadi lebih baik dengan peningkatan peluang pekerjaan dan bilangan pemberhentian pekerja yang lebih rendah berbanding tahun 1999.

Indeks Harga Pengguna (IHP) (1994=100) meningkat 1.4% bagi sembilan bulan pertama tahun 2000 (1999: 3%), merupakan kadar terendah sejak lima tahun yang lalu. Bagi tahun 2000, IHP dijangka meningkat secara purata 1.9% (1999: 2.8%), berbanding 5.3% semasa kemuncak krisis kewangan tahun 1998. Kenaikan IHP tersebut, sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga makanan, pengangkutan dan produk petroleum.

Indeks Harga Pengeluar (IHGP) bagi lapan bulan pertama tahun 2000 meningkat dengan ketara sebanyak 4.8% (1999: -4.8%). Ini berikutan kenaikan harga petroleum mentah yang berada pada purata AS\$34.70 setong (1999: AS\$25.13 setong).

Pemulihan ekonomi dijangka memberi kesan yang baik terhadap pertambahan **guna tenaga** dengan


mewujudkan 186,000 peluang pekerjaan baru dalam tahun 2000. Selaras dengan pertumbuhan tenaga buruh yang dijangka lebih rendah pada kadar 2%, kadar pengangguran dijangka berkurang kepada 2.9% (1999: 3%).

Harga

Kedudukan harga pengguna, seperti diukur oleh IHP (1994=100), bertambah baik dengan ketara dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2000. Memandangkan komponen makanan merangkumi hampir 35% daripada keseluruhan wajaran dalam IHP, kenaikan harganya yang lebih rendah menyumbang kepada inflasi yang sederhana pada tahun 2000. Bagi tempoh yang sama, **harga makanan** meningkat 2.1% (1999: 5%) seperti di *Jadual 7.1*. Kenaikan IHP yang rendah ini disebabkan, terutamanya oleh kejatuhan harga buah-buahan dan sayur-sayuran sebanyak 0.6% (1999: 3.6%). Indeks bagi **makanan di rumah** meningkat sederhana kepada 1.8% (1999: 5.2%), manakala indeks bagi **makanan di luar rumah** juga mencatatkan pertumbuhan rendah sebanyak 2.9% (1999: 4.4%), seperti di *Jadual 7.2*. Indeks kebanyakan kumpulan kecil lain-lain makanan di rumah seperti beras, roti dan bijirin, daging, kopi dan teh serta lain-lain makanan menunjukkan peningkatan sederhana setiap satu: 0.4%, 4.1%, 0.1% dan 1.3% (1999: 5.3%, -0.4%, 4.6% dan 4.7%). Ini disebabkan oleh *cyclical supply constraints* terutamanya bagi makanan keperluan asas.

Indeks kumpulan kecil **sewa kasar, bahan api dan kuasa** pula mencatatkan peningkatan 1.3% (1999: 1.8%). Indeks ini dijangka meningkat lagi dalam separuh tahun kedua berikutan kesan daripada kenaikan harga petroleum pada 1 Oktober 2000.

Carta 7.1
Indeks Harga Pengguna (1994 = 100)
(perubahan tahunan)



Sementara kumpulan kecil bagi susu dan telur, minyak dan lemak, buah-buahan dan sayur-sayuran serta gula menunjukkan penurunan masing-masing sebanyak 1.3%, 0.9%, 0.6% dan 0.3% (1999: 4.3%, 2.2%, 3.6% dan 2%).

IHP bagi **minuman dan tembakau** serta **perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan** meningkat sederhana, masing-masing sebanyak 2.4% dan 0.4% bagi sembilan bulan pertama tahun 2000 (1999: 9.4%, 3%), mencerminkan pertambahan permintaan dalam negeri berikutan pertambahan pendapatan bolehguna. Harga-harga bagi **perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan** meningkat sebanyak 2.1%, begitu juga **pelbagai barang dan perkhidmatan** (1.2%). Peningkatan rendah dalam harga di antara 0.1% dan 2.6% juga dicatatkan bagi kumpulan selainnya, manakala bagi **pakaian dan kasut** berkurang sebanyak 1.7% menunjukkan terdapatnya *cyclical excess supply*.

Bagi kumpulan **pengangkutan dan perhubungan**, peningkatan sederhana sebanyak 1.3% disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam bayaran pengangkutan bagi sembilan bulan pertama tahun 2000. Dalam bulan Julai 2000, Kerajaan telah meluluskan kenaikan tambang bas antara 14.3% hingga 33.3% mengikut jenis perkhidmatan bas dan kawasan liputan perkhidmatan.

IHP mengikut **kumpulan pendapatan** meningkat perlahan pada purata 1.4% bagi kumpulan berpendapatan **kurang RM1,000** dalam sembilan bulan pertama tahun 2000 (1999: 3.9%), berbanding dengan 1.5% bagi kumpulan

Jadual 7.1

Malaysia: Indeks Harga Pengguna
(1994=100)

	Wajaran	Kadar Perubahan (%)		
		1999	1999 (Januari-September)	2000
Jumlah	100.0	2.8	3.0	1.4
Makanan	34.9	4.6	5.0	2.1
Minuman dan tembakau	3.6	7.9	9.4	2.4
Pakaian dan kasut	3.6	-2.0	-2.1	-1.7
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	21.1	1.6	1.8	1.3
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.6	1.3	1.7	0.0
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.9	3.1	3.4	2.1
Pengangkutan dan perhubungan	17.9	0.5	0.3	1.3
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.8	2.6	3.0	0.4
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.6	1.5	1.7	1.2
Semenanjung Malaysia	100	2.9	3.2	1.6
Sabah	100	2.4	2.8	0.4
Sarawak	100	1.6	1.7	1.5

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Jadual 7.2

Malaysia: Indeks Harga Pengguna Bagi Makanan
(1994=100)

	Wajaran	Kadar Perubahan (%)		
		1999	1999 (Januari-September)	2000
Jumlah Makanan	34.9	4.6	5.0	2.1
Makanan di rumah	25.1	4.8	5.2	1.8
Beras, roti dan bijirin lain	5.5	4.2	5.3	0.4
Daging	3.8	-0.3	-0.4	4.1
Ikan	4.9	10.8	11.2	5.6
Susu dan telur	2.3	3.7	4.3	-1.3
Minyak dan lemak	0.7	1.7	2.2	-0.9
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.4	3.5	3.6	-0.6
Gula	0.6	1.4	2.0	-0.3
Kopi dan teh	0.8	3.6	4.6	0.1
Makanan lain	1.1	4.4	4.7	1.3
Makanan di luar rumah	9.8	4.3	4.4	2.9

Sumber: Jabatan Perangkaan.

berpendapatan **kurang RM1,500** (1999: 3.6%). Komponen makanan bagi kedua-dua kumpulan pendapatan meningkat masing-masing sebanyak 1.7% dan 1.9% (1999: 5.6%, 5.4%), berbanding dengan peningkatan IHP agregat sebanyak 1.4%. IHP bagi sewa kasar, bahan api dan kuasa serta pengangkutan dan perhubungan bagi kedua-dua kumpulan pendapatan meningkat perlahan masing-masing sebanyak 1.3% dan 1.5% (1999: 1.7%, 0.7%), serta 1.3% dan 1.4% (1999: 1.8%, 0.6%). IHP bagi kumpulan pendapatan rendah ini juga meningkat perlahan selari dengan kenaikan kecil dalam IHP negara.

IHP **kawasan bandar** dan **luar bandar** meningkat pada kadar yang hampir sama. Bagi sembilan bulan pertama tahun 2000, IHP **kawasan luar bandar** meningkat sederhana 1.4% (1999: 3.4%) sementara IHP bagi **kawasan bandar** meningkat 1.5% (1999: 2.9%). Harga makanan di kawasan luar bandar meningkat pada kadar yang rendah 1.5% (1999: 5.2%) berbanding dengan kenaikan

di kawasan bandar sebanyak 2.6% (1999: 4.9%), menggambarkan permintaan yang lebih tinggi terhadap bahan makanan di kawasan bandar. Kenaikan sewa kasar, bahan api dan kuasa bagi kawasan luar bandar menunjukkan pertambahan kecil sebanyak 1.5% (1999: 1.6%) berbanding 1.1% (1999: 1.9%) bagi kawasan bandar, mencerminkan pemulihan ekonomi yang lambat memberikan kesan kepada kenaikan sewa di kawasan luar bandar. Indeks bagi pengangkutan dan perhubungan di kawasan luar bandar meningkat 1.4% (1999: 0.3%) berbanding dengan peningkatan rendah 1.2% (1999: 0.3%) di kawasan bandar kesan daripada kenaikan tambang bas.


Kedua-dua kawasan luar bandar dan bandar mempunyai pergerakan harga yang berlainan melalui perbezaan wajaran bagi komponen-komponen dalam IHP. Bagi kawasan bandar wajaran lebih tinggi diberikan kepada sewa kasar, bahan api dan kuasa (22.9%), perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan (6.3%), dan perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan (2.1%). Bagi kawasan luar bandar pula wajaran yang diberikan masing-masing sebanyak 17.7%, 4.6% dan 1.5%, mencerminkan corak hidup yang berlainan di kedua-dua kawasan tersebut. Sebagai perbandingan, wajaran bagi makanan di luar bandar didapati lebih tinggi iaitu 39.5% dengan 32.8% bagi bandar.

Indeks harga **barang tidak tahan lama**, berjangka hayat kurang daripada satu tahun, meningkat sederhana sebanyak 1.7% bagi sembilan bulan pertama tahun 2000 (1999: 4.7%), manakala **barang tahan lama** mencatatkan peningkatan 1.4% dalam tempoh kajian (1999: -0.8%). Bagaimanapun, indeks bagi **barang separa-tahan lama**, berjangka hayat lebih daripada setahun tetapi mempunyai nilai kurang daripada barang tahan lama seperti pakaian dan kasut, merosot 0.9% (1999: -0.9%). Sementara indeks bagi perkhidmatan turut meningkat sebanyak 1.7% (1999: 2.5%), disebabkan oleh kenaikan bayaran pengangkutan.

Di **peringkat wilayah**, IHP bagi **Semenanjung Malaysia** menunjukkan peningkatan rendah 1.6% dalam tempoh yang sama (1999: 3.2%), seperti di *Jadual 7.1*. Peningkatan sederhana ini disebabkan pertumbuhan rendah yang dicatatkan hampir kesemua indeks kecil. Di **Sarawak**, IHP meningkat 1.5% (1999: 1.7%) seiring dengan arah aliran IHP negara. Di **Sabah**, IHP meningkat kecil

sebanyak 0.4% dalam tempoh yang sama (1999: 2.8%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan sebanyak 0.7% harga makanan yang mewakili wajaran 36.5% dalam IHP. Hampir kesemua indeks kecil lain juga menunjukkan peningkatan sederhana, sementara indeks bagi pakaian dan kasut serta sewa kasar, bahan api dan kuasa masih mencatatkan penurunan 1.4% dan 0.9%.

IHP mengukur harga barang dan perkhidmatan yang digunakan oleh purata isirumah manakala, **IHPG** pula mengukur kadar purata perubahan harga bagi semua barang yang dikeluarkan oleh pengeluar dan yang dibayar oleh pengimport. Oleh itu, IHP dan IHPG tidak boleh dibandingkan secara langsung, sebaliknya IHPG mengambil masa bagi memberi kesan kepada perubahan harga runcit. Pertumbuhan IHPG bagi **ekonomi tempatan** dalam lapan bulan pertama tahun 2000 ialah 4.8% (1999: -4.8%), seperti di *Jadual 7.3*. Peningkatan ini disebabkan kenaikan besar dicatatkan dalam indeks kumpulan kecil bagi **minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan** sebanyak 41.8% (1999:



Jadual 7.3

Malaysia: Indeks Harga Pengeluar
(1989=100)

	Wajaran	Kadar Perubahan (%)		
		1999	1999 (Januari-September)	2000
Ekonomi tempatan	100.0	-3.3	-4.8	4.8
Makanan dan haiwan hidup yang boleh dimakan	14.9	-2.3	-1.6	0.1
Minuman dan tembakau	2.1	10.2	11.7	0.5
Bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahan api	18.0	-2.7	-4.7	3.7
Minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan	18.8	14.2	3.0	41.8
Minyak dan lemak haiwan dan sayur-sayuran	8.5	-29.4	-26.6	-28.2
Kimia dan keluaran kimia t.t.t.l.	4.4	1.5	1.0	1.3
Barang perkilangan dijeniskan mengikut bahan	10.8	-0.9	-1.3	1.0
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.3	-0.5	-0.1	0.3
Pelbagai keluaran kilang	3.6	1.4	2.0	0.9
Pelbagai perniagaan dan barangan yang tidak dikelaskan secara khusus dalam SITC	0.6	-0.9	-0.7	0.1
Pengeluaran tempatan	79.3	-3.9	-5.7	5.7
Import	20.7	-0.6	-0.9	1.1

t.t.t.l. – tidak tersenarai tempat lain.

SITC – Piawai Penjenisan Perdagangan Antarabangsa.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

3%), yang memberi wajar tertinggi sebanyak 18.8% dalam IHPG. Kebanyakan indeks kumpulan kecil yang lain mencatatkan peningkatan positif. Walaupun terdapat penurunan ketara sebanyak 28.2% dalam indeks **bagi minyak dan lemak haiwan dan sayur-sayuran** akibat daripada lebih penawaran, namun ia tidak memberi kesan kepada kenaikan indeks komponen yang lain dalam IHPG.

IHPG bagi **pengeluaran tempatan**, yang menyumbang 71.8% kepada wajar agregat IHPG, meningkat 5.7% (1999: -5.7%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan ketara harga minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan (47.4%). Sebaliknya, indeks kumpulan kecil bagi minyak dan lemak haiwan serta sayur-sayuran merosot 28.4% disebabkan kejatuhan harga minyak sayur-sayuran dan lemak haiwan, terutamanya minyak sawit, sementara jentera dan kelengkapan pengangkutan berkurang sebanyak 0.5%.

IHPG bagi **import** yang merupakan 28.2% daripada keseluruhan IHPG, meningkat sedikit 1.1% (1999: -0.9%). Indeks kumpulan kecil bagi minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan; jentera dan kelengkapan pengangkutan serta pelbagai keluaran kilang, masing-masing meningkat 4.1%; 1.4% dan 1.2%, sementara indeks kumpulan kecil bagi makanan dan haiwan hidup yang boleh dimakan, serta minyak sayur dan lemak haiwan merosot 0.8% dan 0.5%.

Permintaan dalam negeri dijangka semakin kukuh selaras dengan pemulihan ekonomi, manakala harga dalam negeri dijangka meningkat dengan sederhana dan harga petroleum dunia dijangka terus tinggi berikutan permintaannya semakin meningkat pada musim sejuk akan datang. Kerajaan telah meluluskan kenaikan harga petrol sebanyak 10 sen kepada RM1.20 seliter, diesel sebanyak 5 sen kepada 70.1 sen seliter dan gas cecair petroleum (LPG) sebanyak 10 sen kepada RM1.28 sekilogram. Kenaikan ini tidak boleh dielakkan bagi membendung kenaikan subsidi petroleum yang mungkin melebihi RM3 bilion tahun ini (1999: RM1.1 bilion) sekiranya harga produk petroleum tidak dinaikkan. Walaupun harga produk petroleum meningkat, ianya masih lagi antara terendah di rantau ini. Oleh kerana petroleum membawa wajar yang kecil, iaitu 5% dalam IHP, kesannya ke atas inflasi dijangka minimum. IHP bagi keseluruhan tahun 2000 dijangka dapat dikekalkan di bawah paras 3%.

Bagi membendung tekanan inflasi, langkah-langkah meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri akan diteruskan di samping mempelbagaikan sumber import. Kerajaan juga menggalakkan pengeluaran makanan melalui usahasama tempatan dan asing. Insentif yang ditawarkan termasuklah penyediaan bantuan teknikal, pinjaman, skim insurans dan tanah untuk pertanian. Usaha ini untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta mengurangkan import produk pertanian yang ketika ini melebihi daripada RM10 bilion setahun.

Kerajaan telah mengenalpasti kawasan-kawasan pertanian utama yang boleh dimajukan untuk tujuan meningkatkan pengeluaran makanan. Ini termasuk program pembiakan ternakan secara intensif, mengadakan kawasan bebas penyakit bagi ternakan dan memberi pengiktirafan terhadap jenama produk makanan yang berkualiti. Negeri Johor telah mempelopori perladangan bersepadu melibatkan 13,365 hektar tanah di Ayer Hitam, manakala kerajaan negeri lain mengambil langkah mempromosikan zon tetap bagi pengeluaran makanan. Makanan alternatif yang murah bagi ternakan telah dihasilkan dalam negeri dan penggunaannya yang meluas akan mengurangkan import yang pada masa ini berjumlah RM4 bilion setahun.

Kerajaan juga menggalakkan pelaburan dalam aktiviti perikanan laut dalam, terutamanya di Sabah dan Sarawak, serta mengenal pasti dan meneroka kawasan-kawasan sumber yang baru. Peningkatan keluaran dalam industri perikanan boleh membantu menstabilkan harga.

Di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998-2010), Kerajaan berhasrat memodenkan sektor pertanian supaya lebih dinamik dan berdaya saing dengan diterajui sektor swasta, berasaskan teknologi dan pasaran. Pelaksanaan program ini adalah seiring dengan matlamat mengurangkan import daging dan lembu yang pada ketika ini bernilai purata RM300 juta setahun. Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai harga pengguna, pengkalan data maklumat pasaran kebangsaan bagi barang-barang pengguna dan perkhidmatan sedang diwujudkan bagi tujuan pemantauan harga.

Guna Tenaga dan Upah

Kedudukan ekonomi yang semakin kukuh pada tahun 2000 telah meningkatkan prospek guna tenaga setelah mengalami penurunan permintaan buruh dan pemberhentian pekerja di beberapa tahun kebelakangan ini. **Jumlah tenaga buruh** dijangka berkembang 2% kepada 9.194 juta orang pada tahun 2000 (1999: 9.01 juta orang), manakala **jumlah guna tenaga** pula dijangka meningkat 2.1% kepada 8.927 juta pekerja (1999: 8.741 juta pekerja). Berikutan itu, **kadar pengangguran** dijangka berkurang kepada 2.9% (1999: 3%).

Sektor perkilangan merupakan penyumbang terbesar bagi peluang pekerjaan iaitu 27.1% atau 2.455 juta daripada jumlah guna tenaga. Sektor perdagangan borong dan runcit, perhotelan dan restoran yang merupakan penyumbang kedua terbesar, mencatatkan 1.485 juta orang atau 16.6% daripada jumlah keseluruhan. Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan juga memberi sumbangan penting dalam menyediakan peluang pekerjaan pada kadar 16% atau 1.382 juta orang pada tahun 2000. Guna tenaga dalam perkhidmatan Kerajaan merupakan 10% daripada keseluruhan guna tenaga, iaitu 863,000 pekerja, manakala sektor pembinaan pula 9.2% atau 828,000 pekerja. Sektor lain seperti kewangan, insurans, pengangkutan dan perlombongan, menyumbang 5% atau kurang daripada jumlah guna tenaga.

Berikutan ekonomi yang bertambah baik, guna tenaga di semua sektor penting dalam pasaran buruh di jangka akan meningkat. Guna tenaga di **sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan** dijangka meningkat 3.6% kepada 458,000 orang pada tahun 2000 (1999: 442,000 orang) seperti di *Jadual 7.4*. Di **sektor kewangan, insurans, perniagaan dan hartanah**, guna tenaga dijangka bertambah 3.3% kepada 434,000 orang pada tahun 2000 (1999: 420,000 orang). Begitu juga dengan guna tenaga di **sektor perkilangan** yang dijangka meningkat 3.2% kepada 2.455 juta orang pada tahun 2000 (1999: 2.379 juta orang). Manakala di **sektor pembinaan**, jumlah guna tenaga dianggarkan meningkat 3% kepada 828,000 orang pada tahun 2000 (1999 : 804,000 orang). Bagaimanapun, guna tenaga di **sektor pertanian, perhutanan dan perikanan** dijangka merosot sebanyak 0.5% kepada 1.382 juta orang (1999: 1.389 juta orang). Guna tenaga dalam perkhidmatan Kerajaan dijangka merosot 1.6%

Jadual 7.4


Malaysia: Guna Tenaga Mengikut Sektor (1999-2000)

	1999		2000 ¹		
	('000)	% Bahagian	('000)	% Bahagian	% Perubahan
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,389.0	15.8	1,382.0	16.0	-0.5
Perlombongan	42.0	0.5	41.0	0.5	-2.4
Perkilangan	2,379.0	27.2	2,455.0	27.1	3.2
Pembinaan	804.0	9.2	828.0	9.2	3.0
Elektrik, gas dan air	72.0	0.8	74.0	0.8	2.8
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	1,449.0	16.6	1,485.0	16.6	2.5
Kewangan, insurans, perniagaan dan hartanah	420.0	4.8	434.0	4.8	3.3
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	442.0	5.1	458.0	5.1	3.6
Perkhidmatan Kerajaan	877.0	10.0	863.0	10.0	-1.6
Perkhidmatan lain	867.0	9.9	908.0	9.9	4.7
Sektor Pertama	1,431.0	16.4	1,423.0	16.5	-0.6
Sektor Kedua	3,183.0	36.4	3,283.0	36.3	3.1
Sektor Ketiga	4,127.0	47.2	4,222.0	47.2	2.3
Jumlah	8,741.0	100.0	8,928.0	100.0	2.1

¹ Jangkaan.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

Carta 7.3
Petunjuk-petunjuk Guna Tenaga



kepada 863,000 pekerja (1999: 877,000 pekerja), menggambarkan usaha Kerajaan bagi mengoptimum sektor tersebut. Daripada jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan, sektor perkilangan merupakan penyumbang terbesar sebanyak 76,000 pekerjaan (40.9%), terutama dalam kerja pemasangan dan industri berintensif-buruh seperti keluaran berasaskan kayu; jentera elektrik; keluaran getah dan tekstil, diikuti oleh sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran sebanyak 36,000 pekerjaan (19.4%). Sejarar dengan keadaan ekonomi yang semakin pulih, sektor pembinaan kembali cergas dengan menyumbang 24,000 pekerjaan baru atau 12.9% daripada jumlah pertambahan dalam peluang pekerjaan berikutan dengan pertambahan projek prasarana swasta dan awam di samping projek perumahan baru.

Permintaan buruh meningkat dengan ketara dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2000 berdasarkan kepada kekosongan jawatan yang

dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat. Jumlah **kekosongan baru** yang dilaporkan telah meningkat 21.9% kepada 69,769 kekosongan jawatan (1999: 57,214), seperti di *Jadual 7.5*. Sebahagian besar kekosongan tersebut dilaporkan di Sarawak, melibatkan 37,287 kekosongan atau 53.4% daripada jumlah kekosongan terutamanya di sektor pertanian, diikuti oleh Pulau Pinang (5,423 : 7.8%), Johor (5,110 : 7.3%) dan Selangor (4,915 : 7%). Berdasarkan **kumpulan pekerjaan**, kekosongan tertinggi wujud dalam kumpulan pengeluaran dan pekerjaan yang berkaitan, pengangkutan, operator peralatan dan buruh kasar dengan 7,284 kekosongan atau 57.6% daripada jumlah kekosongan jawatan. Namun begitu, jumlah kekosongan adalah dijangka lebih tinggi memandangkan tidak semua majikan melaporkan kekosongan kepada Jabatan Tenaga Rakyat. Mengikut **kategori pekerjaan**, enam jenis jawatan tertinggi yang ditawarkan oleh majikan adalah pengurus insurans, pengurus jualan, pembantu mekanikal elektrik, perangkawan, ahli ekonomi dan akauntan.

Jumlah **pencari kerja aktif** yang mendaftar dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2000 telah berkurang 2.5% kepada 36,380 orang (1999: 37,315 orang). Bagaimanapun, bilangan kekosongan jawatan masih melebihi bilangan pencari kerja dengan kadar hampir 2:1. Sebahagian besar daripada pencari kerja aktif adalah di Wilayah Persekutuan sebanyak 7,370 iaitu 20.3% daripada jumlah pendaftar aktif, diikuti Sabah (4,466: 12.3%), Sarawak (3,111: 8.6%) dan Pahang (3,000: 8.2%). Mengikut kumpulan pekerjaan, bilangan pencari kerja paling ramai adalah di bidang perkeranian dan kerja-kerja yang berkaitan, seramai 17,350 orang atau 47.7% daripada jumlah yang berdaftar.

Mengikut kategori pekerjaan, enam pekerjaan yang menjadi pilihan tertinggi adalah pegawai tadbir, akauntan am, pengatur program komputer, pembantu kejuruteraan mekanikal, pembantu kejuruteraan sivil dan kesetiausaha. Kumpulan terbesar pencari kerja adalah mereka dalam lingkungan umur 20-24 tahun, iaitu 46.4% daripada keseluruhan yang berdaftar. Bilangan yang berdaftar bagi kumpulan ini meningkat 3% kepada 16,889 orang (1999: 16,412 orang). Kumpulan kedua terbesar adalah mereka dalam lingkungan umur 15-19 tahun, merosot 25.7% kepada 7,866 orang (1999: 10,586 orang), manakala sebanyak 20.1% atau 7,321 pencari kerja terdiri daripada

Jadual 7.5

**Malaysia: Perbandingan Di Antara Pencari Kerja Aktif dan Kekosongan Baru
Mengikut Negeri
(Januari – Julai)**

	Pencari Kerja Aktif ¹			Kekosongan Baru		
	Julai 1999	Julai 2000	(%) Perubahan Tahunan	Julai 1999	Julai 2000	(%) Perubahan Tahunan
Perlis	636	710	11.6	262	131	-50.0
Kedah	3,237	2,998	-7.4	1,775	1,565	-11.8
Pulau Pinang	1,395	1,322	-5.2	3,703	5,423	46.4
Perak	2,211	1,898	-14.2	1,759	1,955	11.1
Selangor	2,823	2,169	-23.2	5,407	4,915	-9.1
Negeri Sembilan	1,772	1,740	-1.8	1,391	1,803	29.6
Melaka	620	508	-18.1	516	554	7.4
Johor	2,824	2,683	-4.9	4,872	5,110	4.9
Pahang	2,509	3,000	19.6	1,849	1,752	-5.2
Terengganu	3,284	2,912	-11.3	2,107	2,749	30.4
Kelantan	1,652	1,493	-9.6	1,179	2,496	111.7
Wilayah Persekutuan	6,797	7,370	8.4	1,408	2,040	44.9
Sabah	4,148	4,466	7.7	1,614	1,989	23.2
Sarawak	3,407	3,111	-8.7	29,372	37,287	26.9
Jumlah	37,315	36,380	-2.5	57,214	69,769	21.9

¹ Angka terkumpul.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

mereka yang sudah mempunyai pekerjaan tetapi ingin mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Memandangkan **latihan kemahiran** adalah penting dalam menyediakan pekerja yang lebih produktif, Kerajaan terus meningkatkan program-program latihan. Peruntukan bagi skim perantis di bawah Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah ditambah daripada RM15 juta kepada RM35 juta pada tahun ini berikutan permintaan yang lebih tinggi untuk pekerja-pekerja terlatih. Semenjak 1997, seramai 2,719 orang telah dilatih di bawah pelbagai skim iaitu Mekatronik (883), Industri Perhotelan (1,716), Pemesinan Acuan (24) dan

Pemesinan dalam Industri (96). Walau bagaimanapun, ketidakseimbangan masih wujud antara penawaran jenis, kuantiti dan kualiti buruh dengan permintaan pasaran. Umpamanya, universiti tempatan tahun lepas telah mengeluarkan kira-kira 2,000 orang jurutera sedangkan sektor industri memerlukan antara 8,000 hingga 10,000 orang, terutamanya dalam bidang berkaitan ICT.

Perubahan teknologi dan perkembangan perusahaan berasaskan-pengetahuan dan industri berteknologi tinggi memerlukan kemahiran baru yang pada masa ini tidak dapat dipenuhi segera oleh institusi latihan dan pendidikan yang sedia

ada. Selaras dengan anjakan ke arah K-ekonomi dan peningkatan automasi, majikan memerlukan pekerja-pekerja yang berkemahiran, berinovatif dan kreatif di samping mudah menyesuaikan diri dengan perubahan pantas dalam teknologi dan prosesan perindustrian. Dengan itu, latihan dan latihan-semula akan dipergiatkan. Dalam usaha untuk menambah bilangan para profesional, Kerajaan akan menambah peluang pendidikan tinggi bagi kumpulan umur 17-23 tahun, supaya kadar penyertaan sekarang sebanyak 22% dapat ditingkatkan kepada 55% menjelang 2020. Selain itu, Kerajaan juga sedang menyediakan pelan induk strategik untuk menyokong usaha ke arah K-ekonomi.

Sejajar dengan pemulihan ekonomi, bilangan **pekerja yang diberhentikan** telah merosot 39.2% kepada 14,617 pekerja dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2000 (1999: 24,036 pekerja), sebanyak 14.4% daripadanya adalah pekerja asing. Pulau Pinang mencatatkan jumlah pemberhentian

yang tertinggi iaitu 5,021 pekerja dalam tempoh tersebut, diikuti oleh Selangor dan Kuala Lumpur dengan 3,964 pekerja. Sebilangan besar pemberhentian pekerja adalah dalam sektor perkilangan iaitu seramai 7,893 pekerja atau 54% terutamanya dalam sektor kecil keluaran berasaskan-kayu, logam buatan, peralatan dan jentera. Alasan pemberhentian pekerja terutamanya akibat pembubaran syarikat dan penyusunan semula syarikat.

Dalam keadaan lebih kapasiti, tekanan terhadap **upah** dalam pasaran buruh terus terkawal pada tahun 2000. Terdapat sebanyak 107 perjanjian upah bersama telah ditandatangani dalam tempoh enam bulan pertama 2000, melibatkan 16,381 pekerja (1999: 268 ; 133,006 pekerja). Purata upah dalam sektor perdagangan dan perkilangan masing-masing menunjukkan kenaikan 4.8% dan 7.9% (1999: 5% dan 7%), seperti di *Jadual 7.6*. Dari segi produktiviti, kajian di sektor perkilangan pada Julai 2000, menunjukkan peningkatan 19.3%

Jadual 7.6

Malaysia: Perjanjian Upah Sektor Swasta

	Bilangan Perjanjian		Bilangan Pekerja Terlibat		Peningkatan Upah Purata (%)	
	1999	2000 ¹	1999	2000 ¹	1999	2000 ¹
Perkilangan	134	64	27,596	8,752	7.0	7.9
Perdagangan	30	15	3,452	1,347	5.0	4.8
Pengangkutan	31	6	4,989	634	10.0	5.6
Perkhidmatan	17	7	10,054	2,923	9.0	4.5
Pertanian	30	8	54,231	2,064	12.0	11.5
Perlombongan	6	1	524	147	6.0	7
Elektrik	8	0	31,116	0	5.0	0
Pembinaan	2	0	88	0	8.0	0
Lain-lain	10	6	956	514	8.0	9.6
Jumlah	268	107	133,006	16,381	7.8	5.2

¹ Januari-Jun.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

berbanding dengan kejatuhan 14.2% dalam tempoh yang sama tahun 1999. Dalam sektor awam, Kerajaan telah memberi kenaikan gaji 10% kepada kakitangan Kerajaan termasuk pesara. Selain itu, Kerajaan juga telah menaikkan elaun tetap perumahan kakitangannya dalam kategori tertentu sebanyak 50%.

Pertikaian buruh berasaskan bilangan mogok, meningkat sedikit kepada lapan kes dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2000 (1999: 7 kes) melibatkan 2,580 pekerja (1999: 2,459 pekerja). Kejadian mogok berlaku di sektor pertanian, perkilangan dan pembinaan. Di sektor pertanian, dua kes mogok melibatkan 104 pekerja telah dilaporkan (1999: 5; 1,283 pekerja). Manakala lima kes mogok berlaku di sektor perkilangan yang melibatkan 3,770 pekerja (1999: 6; 2,169 pekerja). Kejadian mogok tersebut telah mengakibatkan kehilangan sejumlah 5,073 hari-kerja (1999: 8,569 hari-kerja). Kejadian mogok berkenaan adalah disebabkan terutamanya oleh perselisihan dan rasa tidak puas hati mengenai terma dan syarat-syarat pekerjaan, pembuangan kerja dan pemberhentian kerja.

Buruh asing masih penting dalam pasaran buruh terutamanya disebabkan kekurangan buruh di sektor-sektor pertanian, pembinaan dan perkilangan. Justeru, Kerajaan telah meluluskan pengambilan 150,000 pekerja asing baru pada

tahun 2000 bagi memastikan aktiviti perniagaan tidak terjejas oleh kekurangan pekerja. Bagaimanapun, kelulusan ini lebih rendah iaitu sebanyak 53.1% berbanding tahun 1999 (320,000 orang). Dari segi jumlah, bilangan pekerja asing yang berdaftar telah meningkat 4.2% kepada 726,159 pekerja (1999: 697,219 pekerja). Bilangan pekerja asing yang bekerja dalam sektor perkilangan masih tinggi dengan kenaikan 9.2% kepada 240,558 pekerja yang merupakan 33.1% daripada jumlah keseluruhan pekerja asing (1999: 211,694 pekerja). Bilangan pekerja asing dalam sektor pertanian pula berkurang sebanyak 7.5% kepada 185,915 pekerja (1999: 200,946 pekerja), manakala di sektor pembinaan, kadar ini meningkat 3.1% kepada 78,902 pekerja (1999: 76,499 pekerja). Warga Indonesia merupakan kumpulan terbesar pekerja asing dengan 530,218 pekerja, diikuti Bangladesh (140,363), Filipina (26,685), Pakistan (3,530), Thailand (2,993), dan 22,370 dari negara-negara lain.

Bagi mengekalkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, Kerajaan mengenalpasti 136 jenis pekerjaan yang tidak dibenarkan diisi dengan pekerja asing. Pekerjaan-pekerjaan tersebut termasuk artis dan pemuzik, pengendali jentera tanah, eksekutif operasi pelancongan, pekerja paramedik, pendawai, jurugegas, jurukimpal dan jurutera mekanikal.